

## MASALAH ADAT DALAM TAMBO MINANGKABAU

EDWAR DJAMARIS

Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Jakarta

Salah satu masalah penting yang diceritakan dalam Tambo Minangkabau (selanjutnya disingkat T M), ialah masalah adat. Hal ini dapat kita jumpai pada episod-episod yang tersebut di bawah ini:

1. Undang-undang 9 pucuk dan pembagiannya;
2. Pendirian balai adat dan masjid sebagai lambang berlakunya hukum adat dan syarak;
3. Cerita Nur Muhammad;
4. Asal-usul harta pusaka diwariskan pada kemenakan; dan
5. Kewajiban mengikuti penghulu dan macam-macam penghulu.

Kelima episod tersebut di atas dapat kita simpulkan dalam 3 masalah, iaitu a. pengukuhan kedudukan adat di samping syarak; b. pengukuhan berlakunya adat tentang harta pusaka diwariskan kepada kemenakan; dan c. pengukuhan kedudukan penghulu sebagai pemimpin atau kepala suku berdasarkan adat.

Baiklah ketiga masalah tersebut kita bicarakan satu persatu di bawah ini:

### a. PENGUKUHAN KEDUDUKAN ADAT DI SAMPING SYARAK

Agaknya tiga episod pertama tersebut di atas, iaitu 1. Undang-undang 9 pucuk dan pembagiannya; 2. Pendirian balai adat dan masjid sebagai lambang berlakunya hukum adat dan syarak; dan 3. Cerita Nur Muhammad, erat hubungannya dalam rangka pengukuhan kedudukan hukum adat dan syarak di Minangkabau. Dari ketiga episod itu akan terlihat nanti bagaimana pandangan orang Minangkabau terhadap adat dan syarak ini.

Di dalam "Undang-undang 9 pucuk" (episod I TM) dijelaskan, bahawa undang-undang yang turun ke Minangkabau itu ialah undang-undang yang tinggi kedudukannya di dunia ini. Dikatakan, "Itulah nan dipakai oleh segala alam, lalu ke tanah Mekah dan Madinah, lalu kepada negeri Aceh pesisir barat (TM. 1.2: 66-67). Selanjutnya dikatakan, bahawa Undang-undang 9 pucuk itu terbagi tiga, masing-masing turun ke negeri Rum, Aceh dan Minangkabau. Bagian (anak) Undang-undang 9 pucuk itu terpakai di negeri-negeri besar di dunia, iaitu negeri-negeri di masyrik. maghrib, utara dan selatan. Undang-undang inilah yang mula-mula dipakai orang Minangkabau sebelum Agama Islam masuk ke Minangkabau.

Dalam perkembangan kebudayaan Minangkabau selanjutnya, agama Islam besar pengaruhnya. Orang Minangkabau terkenal pemeluk agama Islam yang taat. Masuknya agama Islam ke Minangkabau tentulah membawa ajaran dan hukum yang baru berdasarkan Al-Quran dan hadis nabi, iaitu hukum Islam yang biasa disebut syarak. Orang Minangkabau sebagai pemeluk agama Islam yang taat tentulah menjalankan hukum itu dalam kehidupan sehari-hari, kerana ajaran agama tidak saja menyangkut

masalah hubungan dengan Tuhan, tetapi juga masalah yang berhubungan dengan manusia.

Bagaimana sikap atau pandangan orang Minangkabau terhadap adat dan syarak ini? Agaknya episod kedua, iaitu: Pendirian balai adat dan masjid sebagai lambang berlakunya hukum adat dan syarak, (TM, V) memberikan penjelasan bagaimana pandangan orang Minangkabau terhadap kedua hukum ini. Dalam episod itu dijelaskan, bahawa yang mula-mula didirikan ialah balai adat tempat membicarakan masalah adat, kemudian didirikan pula masjid tempat membicarakan hukum kitab Allah, iaitu syarak (TM. V: 16-21).

Hal ini menunjukkan, bahawa kedua hukum itu telah melembaga dan dijalankan di Minangkabau yang manifestasinya dinyatakan dengan pendirian balai adat dan masjid sebagai tempat membicarakan kedua masalah hukum itu. Dalam pandangan orang Minangkabau kedua hukum itu tidaklah bertentangan, akan tetapi saling melengkapi. Dalam pepatah adat dikatakan, "Adat bersendi syarak, syarak bersendi adat" (T M. OR. 182:1), ertinya, segala pekerjaan atau perbuatan hendaklah selalu mengingat adat dan agama, jangan bertentangan satu dengan yang lain. Demikian pula hal yang sama kita temukan dalam sebuah pepatah adat yang berbunyi:

Tiada baik negeri melainkan dengan orang banyak,  
tiada baik orang banyak melainkan dengan manti,  
tiada baik manti melainkan dengan segala penghulu,  
tiada baik segala penghulu melainkan dengan adat,  
tiada baik adat melainkan dengan sendi syarak,  
tiada baik syarak melainkan dengan sendi adat,  
tiada baik keduanya melainkan dengan ahlinya.

Jelaslah bahawa kedua hukum itu dipakai dan dihormati oleh orang Minangkabau. Balai adat dan masjid merupakan lambang negeri Minangkabau. Menurut adat Minangkabau, yang menjadi 'sumarak' (kemegahan) negeri ialah: 'bamusajik, barumah gadang, babalai, basawah gadang, bagalanggan dan batapian tampaek mandi' (bermasjid, berumah besar, berbalai adat, bersawah luas, mempunyai gelanggang, dan mempunyai tepian tempat mandi umum), (Nasroen, 1957:145).

Sidi Gazalba dalam bukunya yang berjudul: *Mesjid Pusat Ibadat dan Kebudayaan Islam* menjelaskan bagaimana peranan masjid dan balai adat di Minangkabau. Dikatakannya, tidaklah lengkap atau sempurna suatu negeri apabila salah satu dari yang dua itu atau keduanya kurang. Balai adat adalah lembaga kebudayaan, sedang masjid lembaga agama. Kedudukan masjid di samping balai adat adalah pernyataan dari kedudukan pendukung utama dari kedua lembaga itu, iaitu alim-ulama dan niniak mamak, dua golongan yang bekerja bersama-sama dalam bidang yang berbeza. Alim-ulama adalah pemimpin rohaniah masyarakat dan niniak mamak pemimpin adat atau kebudayaan.<sup>1</sup>

Orang Minangkabau terkenal kuat memegang adat di samping kuat pula men-

<sup>1</sup> Sidigazalba, *Mesjid Pusat Ibadat dan Kebudayaan Islam*, Jakarta 1962, hlm. 170.

jalankan perintah agamanya. Agama Islam dalam pandangan orang Minangkabau menyempurnakan adat dan memperkuat adat. Pepatah adat yang mengatakan, Adat bersendi syarak dan syarak bersendi adat seperti telah disebutkan di atas dimaksudkan, agar ajaran agama Islam yang masuk ke Minangkabau disesuaikan dengan adat yang berlaku. Itulah sebabnya sukar mengubah adat yang sudah lama berlaku seperti halnya masalah harta pusaka diwariskan kepada kemenakan, dan sistem kekerabatan yang matrilineal dengan hukum Islam yang mengharuskan harta pusaka kepada anak dan sistem kekerabatan yang patrilineal. Dalam hal ini hukum adat masih bertahan dan belum sepenuhnya disesuaikan dengan syarak. Memang ada orang Minangkabau yang kuat sekali memegang ajaran agama menentang keras adat ini. Hal ini pun pernah dikemukakan Prof. Hazairin dalam satu seminar "Hukum Tanah dan Hukum Waris Minangkabau", bahawa adat tersebut bertentangan dengan ajaran agama Islam. Di samping itu nampak dengan jelas, bahawa adat Minangkabau sejalan dengan ajaran agama Islam seperti terlihat pada episod, "Kewajiban mengikuti penghulu dan macam-macam penghulu". Dikatakan, bahawa kewajiban mengikuti penghulu itu didasarkan pada firman Allah yang ertinya, "ikut olehmu akan Allah, Rasulullah dan orang yang memimpin kamu", (T M. VII: 36-40); cf. Qur'an, 4: 62). Orang yang memimpin ini ialah penghulu menurut adat Minangkabau. Penghulu diwajibkan memimpin kaumnya sesuai pula dengan perintah Tuhan iaitu melarang orang berbuat jahat atau maksiat dan menyuruh orang berbuat baik, (T M. VII: 61-64; cf. Qur'an 31: 16). Seorang penghulu hendaklah kasih pada kaumnya seperti nabi kasih pada umatnya.

Orang Minangkabau menganggap adatnya, adat yang kawi, iaitu adat yang kukuh, kuat tidak tergoyahkan oleh apa pun, kerana ia diciptakan bukan oleh sembarang orang saja. Kepercayaan yang demikian tentu mempunyai latar belakang sejarah yang kuat pula. Hal ini tergambar dalam beberapa keterangan yang dijumpai dalam beberapa naskah T M yang akan kami sebutkan di bawah ini.

Pertama-tama kita jumpai dalam episod Nur Muhammad (T M. XXII). Dalam episod itu diceritakan, bahawa Nur Muhammad itu merupakan asal mula segala sesuatu yang diciptakan Tuhan. Perhatikanlah kutipan di bawah ini:

Maka tatkala itu awal belum, akhir pun belum, Loh dan Qalam pun belum, bumi dan langit pun belum, semata selakian pun belum lagi ada, Allah Subhānahu wa Ta'ālā menilik diri-Nya dengan sifat 'alim-Nya, maka berkat qodrat dan iradat-Nya maka terbit cahaya Ghaibu 'l-ghuyūb itu, maka jadilah Nur Muhammad. (T M. XXII. 1: 4-10).

Selanjutnya diceritakan, bahawa dari Nur Muhammad ini pulalah adat itu berasal. Untuk lebih jelasnya, baiklah kita kutipkan bagian keterangan itu di bawah ini:

Maka tiap-tiap perkataan adalah lembaga. Daripada mana keluarnya lembaga ini, maka iaitu daripada Tuhan kita Allah Ta'ālā kerana menzahirkan kebesaran-Nya. Dan perkataan ini adalah adat. Adakah adat itu lain tempat keluarnya? Maka tiada lain keluarnya, melainkan daripada Nur Muhammad, kerana di dalamnya sidiq, tabligh, amanat adanya. Dan perkataan adalah patut. Lain tempat keluarnya? Tiada, melainkan daripada Jibrail, kerana Jibrail itu pesuruh Allah Ta'ālā yang menurunkan sekalian hukum kitab Allah adanya. (T M. XXII. 2: 4-12).

Bukti kedua yang memberikan gambaran terhadap pandangan orang Minangkabau terhadap adatnya ini dapat kita jumpai dalam naskah T M Cod. or. 3147, Leiden. Dalam naskah itu kita jumpai keterangan yang menyatakan, bahawa adat dan syarak itu sama kedudukannya, keduanya berasal dari Nabi Muhammad. Perhatikanlah pula kutipan di bawah ini:

Bahawa sesungguhnya Rasulullah salla 'Llahu 'alaihi wa sallam berkata ia, "Adapun martabat yang tiada sunyi daripada segala manusia atau daripada cucu Adam dua martabat. Ketahui olehmu, bahawa sesungguhnya penghulu dan sultan wajiblah atas keduanya mengetahui martabat itu, bahawa martabat anak cucu Adam dua martabat, suatu martabat pada adat, kedua martabat pada syarak. Bahawa sesungguhnya keduanya itu diperoleh daripada Nabi Muhammad Muṣṭafa' shallah 'Llahu 'alaihi wa sallam, oleh dia sahabat nan berempat, ia pula nan beroleh waris daripada Nabi kita, maka turunlah kepada raja dalam negeri Mekah, dipindahkan pula ke tanah Aceh, itu pun masyhur di tanah Aceh martabat yang dua itu. (T M. Cod. or. 3147: 1-2)

Hal yang sama, menguatkan keterangan di atas, kita jumpai dalam Undang-Undang Sungai Ujung, Negeri Sembilan. Undang-undang ini agaknya berasal dari Undang-undang Minangkabau juga. Di dalamnya kita jumpai keterangan yang menyatakan, bahawa adat yang kuat dalam negeri itu sama dengan syarak, sesuai dengan hadis yang berbunyi, *Idhā kāna 'l- 'ādātu qawīyyatan fa hiya shar' un*. Kuat adat dengan mufakat segala ulama. Sebab itulah adat yang dikuatkan dan syarak yang dilazimkan, dipakai keduanya, tiada berubah turun-temurun<sup>2</sup> (Winstedt, 1954: 61-62).

Dari huraian tersebut di atas dapatlah kita mengetahui latar belakang mengapa orang Minangkabau menganggap adat begitu tinggi kedudukannya dan mereka sangat menghormatinya sampai sekarang, walaupun agama Islam juga telah kuat kedudukannya dalam masyarakat. Dalam pepatah adat yang berbunyi, "Adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah, syarak mengata adat memakai", tidak lain maksudnya, bahawa adat dan agama itu telah berpadu menjadi satu dalam kehidupan orang Minangkabau sebagai pedoman hidup dunia akhirat.

Sebagaimana telah kami singgung pada permulaan huraian ini, bahawa semua keterangan yang terdapat dalam beberapa naskah tersebut di atas maksudnya tidak lain untuk mengukuhkan kedudukan adat dalam masyarakat di samping syarak, agar ia tetap dipatuhi, dihormati dan dijalankan sebagai pedoman hidup sehari-hari di samping syarak, kerana keduanya saling melengkapi.

#### b. PENGUKUHAN BERLAKUNYA ADAT HARTA PUSAKA DIWARISKAN KEPADA KEMENAKAN

Masalah kedua yang dikemukakan dalam T M tentang adat, ialah masalah harta pusaka diwariskan kepada kemenakan. Adat ini boleh dikatakan berbeza sekali dengan adat yang berlaku di daerah-daerah lainnya di Nusantara ini. Harta pusaka

<sup>2</sup> R.O.W., insted and P.E. Josseline de Jung, "A Digest of Customary Law From Sungai Ujung" *JMBRAS*, 27, 1954, hlm. 61-62.

di Minangkabau diwariskan kepada kemenakan, iaitu anak saudara perempuan, bukan kepada anak, sebagaimana adat di daerah-daerah lainnya. Hal ini sebenarnya disebabkan oleh garis keturunan dalam masyarakat Minangkabau itu menurut garis ibu (matrilinial). Seorang anak termasuk suku ibu bukan suku ayahnya. Harta seorang ayah yang diperolehnya dari harta pusaka ibunya harus diwariskannya kepada kemenakannya, bukan kepada anaknya. Harta pusaka merupakan harta kaum, sehingga tidak bisa dipindahkan haknya kepada orang di luar kaumnya. Anak tidak sekaum dengan ayahnya, sehingga tidak mungkin pula harta itu diwariskan kepada anaknya. Inilah salah satu sebab harta pusaka itu diwariskan kepada kemenakan.

Anggota laki-laki dari suatu keluarga matrilinial tidak berhak terhadap harta pusaka, mereka hanya mempunyai kewajiban untuk menjaga harta itu, sehingga harta itu tidak dijual dan benar-benar memberi manfaat bagi kaum kerabatnya.

Masalah adat yang cukup penting ini telah ditetapkan dalam T M dalam sebuah episod, iaitu episod XVI, yang kami beri judul, "Asal-usul harta pusaka diwariskan kepada kemenakan." Garis besar isi episod ini sebagai berikut:

Datuk Katumanggungan dan Datuk Perpatih nan Sabatang bermufakat di balai Balairung Panjang hendak menetap pelayaran ke Aceh. Mereka berlayar dengan sebuah perahu bersama anak dan kemenakannya. Dalam pelayaran itu perahu mereka terdampar di karang, kerana pasang surut dengan tiba-tiba. Mulanya semua anak diperintahkan menarik perahu itu, tetapi tiada seorang pun yang mau. Kemudian semua kemenakan diperintahkan. Semua kemenakan dengan patuh mengikut perintah mamaknya dan berhasil melepaskan perahu yang terdampar itu. Perahu itu berlayar kembali ditarik oleh Sikati Muno dan jin si Kulumbai.

Berdasarkan peristiwa itu diputuskan oleh Cati Bilang Pandai di hadapan Datuk Katumanggungan dan Datuk Perpatih nan Sabatang, bahawa mulai saat itu harta pusaka diwariskan pada kemenakan, tidak kepada anak lagi, kerana anak tidak mahu menolong anaknya dalam kesusahan.

Maksud cerita itu tersebut tidak lain untuk meyakinkan orang Minangkabau, bahawa adat itu betul-betul berdasarkan suatu peristiwa yang dialami sendiri oleh Datuk Katumanggungan dan Datuk Perpatih nan Sabatang yang oleh orang Minangkabau dianggap sebagai pendiri atau penyusun adat Minangkabau. Jadi mereka menganggap adat itu merupakan keputusan nenek moyang yang wajib dipatuhi dan tidak boleh diubah-ubah lagi. Apabila diubah tentu akan mendapat kutukan nenek moyang.

Sebetulnya masalah harta pusaka itu erat hubungannya dengan latar belakang sistem kekerabatan masyarakat Minangkabau yang matrilinial seperti telah disebutkan di atas. Hanya saja untuk meyakinkan orang disusunlah suatu cerita yang dapat dipercayai, bahawa cerita itu merupakan peristiwa yang betul-betul terjadi. Dengan demikian cerita tersebut hanya bersifat pengukuhan saja dari adat itu, kerana orang zaman dahulu akan merasa lebih yakin bila sesuatu hal itu dikatakan berdasarkan peristiwa yang betul-betul dialami oleh nenek moyang, yang disampaikan dalam bentuk cerita. Cerita umumnya dianggap suatu yang betul-betul terjadi, apalagi cerita tersebut terdapat dalam tambo. Mereka sangat mempercayai cerita nenek moyang dan tidak mahu mengubah apa-apa yang telah ditetapkan nenek moyang,

kerana mengubah sesuatu yang telah ditetapkan nenek moyang merupakan pantangan bagi masyarakat lama dan takut kena kutuk nenek moyang. Inilah salah satu cara mengukuhkan adat dalam masyarakat.

Ketentuan adat tentang harta pusaka diwariskan pada kemenakan ini terlukis pula pada pantun adat di bawah ini:

Birik-birik tabang ka sawah,  
dari sawah ka halaman,  
patah sayok tabang baranti,  
basuo di tanah bato.  
Dari niniak turun ka mamak,  
dari mamak ka kamanakan,  
patah tumbuhan hilang baganti,  
pusako baitu jua.<sup>3</sup>

(Nasroen, 1957: 38; atau Naim, 1968: 122)

Maksudnya, segala sesuatu dari nenek kepada mamak, dari mamak kepada kemenakan, patah tumbuh hilang berganti, pusaka pun demikian pula.

Sistem harta pusaka diwariskan kepada kemenakan ini tentu membawa akibat tertentu pula, iaitu hubungan kekeluargaan menurut garis ibu itu semakin kuat, kerana sistem ini didukung oleh sistem waris yang mengakibatkan harta pusaka tidak bisa diwariskan pada anak. Hubungan antara mamak dan kemenakan tambah erat, akan tetapi sama sekali tidak dimaksudkan agar hubungan antara bapa dengan anak jadi renggang. Hal ini tidak demikian maksudnya. Orang Minangkabau yang ideal tidak hanya mementingkan anak, tapi juga kemenakan, demikian sebaliknya. Yang diharapkan ialah keserasian hubungan kedua belah pihak itu, iaitu anak dan kemenakan. Keduanya sama pentingnya dalam kekerabatan masyarakat di Minangkabau, seperti tergambar dalam pantun adat di bawah ini:

Kaluak paku kacang balimbiang,  
pucuknya lenggang lenggokkan,  
dibawo nak rang ka Saruaso,  
Anak dipangku kamanakan dibimbiang,  
urang kampuang dipatenggangkan,  
jago nagari jan binaso.<sup>4</sup>

(Naim, 1968: 132)

Maksudnya, anak dipangku, kemenakan dibimbing, orang kampung dipertenggangkan untuk menjaga negeri jangan binasa.

Sebagai harta kaum, harta bersama harta pusaka itu kuat kedudukannya dalam masyarakat Minangkabau kerana harta itu hanya diwariskan turun temurun, tidak boleh dijual-belikan, apalagi diberikan kepada anak atau orang lain. Harta pusaka itu hanya boleh digadaikan apabila telah semufakat semua keluarga dan disetujui oleh mamak dan penghulu. Kesepakatan itu baru dapat dicapai bila terjadi hal-hal

<sup>3</sup> M. Nasroen, *Dasar Falsafah Adat Minangkabau*, Jakarta 1957, hlm. 38 atau machtar Naim, *Menggali Hukum Tanah dan Hukum Waris Minangkabau*, Jakarta, 1968, hlm. 122.

<sup>4</sup> M. Naim, hlm. 132.

tersebut di bawah ini:

1. rumah gadang katirisan (rumah adat sudah rosak),
2. gadih gadang indak balaki (gadis yang sudah dewasa tidak bersuami)
3. maik tabujua tengah rumah (mayat terbujur di rumah)
4. adaik tidak badiri (adat tidak berdiri, tidak dipenuhi)

Untuk memenuhi biaya salah satu dari yang empat itu, harta pusaka baru boleh digadaikan, kerana semuanya itu akan memalukan semua anggota suatu kaum.

Demikianlah penting dan tingginya kedudukan harta pusaka itu di Minangkabau. Harta itu dapat mempersatukan dan mempererat hubungan keluarga. Harta pusaka itu juga berfungsi untuk menjaga orang tidak jatuh melarat, kerana ia harus digunakan turun-temurun. Ibarat sebatang pohon, buahnya boleh diambil terus menerus, tapi batangnya tidak boleh ditebang. Itulah sebabnya perlunya pengukuhan berlakunya adat itu dalam T M agar harta pusakan itu tetap berdiri kukuh dalam lingkungan kaum kerabat sendiri.

#### c. PENGUKUHAN KEDUDUKAN PENGHULU SEBAGAI PEMIMPIN BERDASARKAN ADAT

Terlebih dahulu baiklah kita bicarakan secara sepintas fungsi dan kedudukan penghulu dalam negeri. Suatu 'nagari' terdiri atas beberapa kaum (kelompok orang yang seketurunan). Kaum ini disebut suku, yang dalam masyarakat Batak disebut marga. Orang yang termasuk dalam satu suku seketurunan berdasarkan garis ibu. Perkahwinan hanya boleh dilakukan di luar anggota suku. Perkahwinan dalam satu suku dilarang keras dalam masyarakat Minangkabau. Kepala suku inilah yang disebut penghulu dan gelarnya datuk. Di antaranya dapat disebutkan di sini beberapa gelar datuk, iaitu Datuk Pamuncak, Datuk Kabasaran, Datuk Penghulu Basa, Datuk Sinaro, dan Datuk Tumamat. Gelar datuk ini sesuai dengan suku yang bersangkutan dan diwariskan secara turun-temurun. Misalnya, suku Pisang gelar datuknya Datuk Pamuncak, gelar ini tidak akan berubah dalam suku itu.

Sekarang menjadi jelaslah kedudukan penghulu di Minangkabau. Ia tidak lebih dari seorang kepala suku berdasarkan adat dan memimpin kaumnya secara kekeluargaan. Sebagaimana dikatakan oleh Umar Junus, ia tidak mempunyai kekuasaan yang nyata, mereka lebih banyak dirasakan sebagai seorang yang banyak dirasakan sebagai mendapat tugas daripada mendapat hak. Penghulu mengatur upacara-upacara adat, seperti upacara perkahwinan, selamatan bagi arwah yang baru meninggal, mendirikan rumah baru dsb. Ia menyelesaikan perselisihan di antara anggota keluarga dalam sukunya dan senantiasa memberikan nasihat-nasihatnya. Ia adalah wakil segenap anggota sukunya; kehadirannya dalam setiap upacara adat sangat diharapkan. Ia mempunyai identiti sendiri berupa pakaian dan sikapnya yang berbeza dengan orang biasa. Ia senantiasa mendapat perlakuan khusus dengan jalan selalu didahulukan, diutamakan dalam setiap upacara adat dan didudukkan di tempat yang paling tinggi dalam setiap perjamuan.

Kedudukan penghulu begitu terhormat dalam masyarakat. Ia dianggap tiang negeri, seperti bunyi pepatah adat di bawah ini:

Orang kaya cahaya dalam negeri,  
 saudagar tulang negeri;  
 hulubalang harimau dalam negeri,  
 penghulu dan orang besar tiang negeri,  
 orang banyak laki-laki dan perempuan isi negeri, dan  
 orang bertuah intan dalam negeri.

(T.M. Cod. or. 1915:83)

Dalam masyarakat Minangkabau dikenal 4 macam orang sesuai dengan jabatannya dalam masyarakat, yang oleh orang Minangkabau biasa disebut dengan istilah "Orang ampek jinih", artinya orang empat jenis, yaitu penghulu, malin, manti, dan dubalang. Keempat macam orang ini harus diajak bermusyawarah dalam setiap persoalan dalam negeri. Masing-masing mempunyai peranan yang berbeza dalam lapangan yang berbeza pula. Dalam pepatah adat dikatakan:

Penghulu taguah di adat,  
 malin taguah di agamo,  
 manti taguah di buek,  
 dubalang taguah di nagari.<sup>5</sup>

(Nasroen, 1957:134)

Maksudnya, penghulu teguh memegang adat, orang <sup>c</sup>alim teguh memegang agama, manti kuat dalam pekerjaan dan hulubangan kuat mempertahankan negeri.

Dalam pandangan orang Minangkabau, penghulu itu memang banyak gunanya, ia sangat diperlukan dalam masyarakat untuk memberi pertolan dan nasihat dalam segala hal. Ia lambang suatu kaum, apabila penghulunya dihormati orang, semua anggota kaumnya pun ikut dihormati orang pula. Ungkapan adat di bawah ini menggambarkan betapa banyaknya guna penghulu itu dalam negeri. Dikatakan dalam ungkapan adat itu, penghulu itu ialah; "Aia nan janiah, sayak nan landai, bak kayu di tengah padang: ureknyo tampaek baselo, batangnyo tampaek basanda, dahannyo tampaek bagantuang, buahnyo ka dimakan, airnyo ka diminun."<sup>6</sup> (Nasroen, 1957:129). Artinya, penghulu itu dilambangkan sebagai air yang jernih, tempurung yang cembung, seperti kayu di tengah padang: akarnya tempat duduk, batangnya tempat bersandar, dahannya tempat bergantung, buahnya untuk dimakan dan daunnya tempat berlindung.

Dari huraian tersebut di atas jelaslah, bahawa kedudukan dan fungsi penghulu itu cukup penting dalam masyarakat. Penghulu tiang negeri, kuat penghulu kuatlah negeri. Untuk itu masyarakat berkewajiban pula untuk menghormati dan menjaga kewibawaan penghulu, agar ia tetap menjadi orang yang disegani dan terpuja dalam masyarakat. Secara adat memang ada dendanya bagi seseorang yang merendahkan nama baik seorang penghulu. Misalnya, apabila seseorang memanggil seorang penghulu dengan menyebut nama kecilnya, bukan gelar penghulu yang telah diberikan kepadanya, orang tersebut didenda menurut adat seekor kerbau. Menurut prinsip adat Minangkabau pemimpin — dalam hal ini penghulu — 'digadangkan ma-

<sup>5</sup> M. Nasroen, hlm. 134.

<sup>6</sup> Ibid, hlm. 129.



kanya gadang', ertinya dibesarkan makanya jadi besar. Masyarakatlah yang membuat seseorang itu biasa jadi orang besar. Kalau masyarakat sudah mulai meremehkan penghulu, hilang pulalah wibawa penghulu dalam masyarakat.

Sekarang jelaslah, bahawa masyarakat mempunyai peranan penting memelihara dan menambah kewibawaan penghulunya. Untuk itu kedudukan penghulu perlu dikukuhkan dalam masyarakat, baik secara agama mahupun secara adat.

Dalam rangka inilah agaknya tujuan suatu episod dalam T M, yang kami beri judul, "Kewajiban mengikuti penghulu dan macam-macam penghulu", iaitu episod yang VII. Dalam episod ini dijelaskan, bahawa ialah pemimpin kaum (suku). Pada mulanya penghulu itu diangkat oleh Cati Bilang Pandai (bapak Datuk Perpatih nan Sabatang) tokoh terkemuka pada waktu itu. Setiap orang wajib mengikuti perintah penghulunya sesuai dengan firman Allah. Untuk lebih jelas, baiklah kita kutipkan bagian teks itu di bawah ini:

Maka naiklah penghulu, maka tiap-tiap penghulu nagari hanya mai si kepada nagari dan raja mai si kepada sekalian <sup>c</sup>alam, kerana demikianlah kata firman Allah Ta<sup>c</sup>ālā, "Wa aṭī<sup>c</sup>ū 'Llāha wa aṭī<sup>c</sup>ū 'r-rasūla wa ūlī 'l-mari minkum, (ertinya) ikut oleh mu, hai segala manusia akan Allah dan ikut olehmu akan Rasulullah dan akan (orang yang) mempunyai pekerjaan daripada kamu ikut pula, ya<sup>c</sup>ni segala penghulu dan segala orang yang mempunyai bicara dan segala sultan kamu, maka wajib kamu mengikuti, jikalau kanak-kanak sekali pun wajiblah oleh kamu mengikut katanya yang berpatututan dengan hukum Allah dan Rasulullah kerana ia gantinya." (T M. VII: 33-45)

Selanjutnya dijelaskan dalam episod itu, bahawa penghulu itu ada empat macam, iaitu (1) penghulu, ialah orang yang memimpin kaumnya dengan kasih sayangnya, seperti nabi kasih pada umatnya; (2) pengalah, iaitu orang yang suka menyalahkan perkataan orang saja, walau benar sekali pun; (3) pengaluh, iaitu orang yang kuat menyuruh orang berbuat jahat; dan (4) pengalih, iaitu orang yang suka menyuruh orang berbuat maksiat. Ditegaskannya sekali lagi, bahawa yang sebenar-benar penghulu itu, ialah orang yang kuat menyuruh orang berbuat baik dan kuat pula melarang orang berbuat maksiat. Jika tidak demikian bukanlah penghulu namanya, tetapi pengalah, pengaluh dan pengalih namanya, iaitu orang-orang yang mempunyai sifat tercela dalam masyarakat yang harus dihindari oleh seorang penghulu.

Dari uraian tersebut di atas dapatlah kita mengetahui, bahawa tujuan episod tersebut tidak lain untuk mengukuhkan kedudukan penghulu dalam masyarakat sebagai pemimpin suatu kaum, agar ia mempunyai wibawa dan disegani orang, sehingga petunjuk dan perintahnya dipatuhi orang pula. Kedudukannya jadi kukuh dalam masyarakat, kerana pengangkatannya tidak saja berdasarkan kebijaksanaan Cati Bilang Pandai, Datuk Katumanggung dan Datuk Perpatih nan Sabatang sebagai orang yang terkemuka dan penyusun adat Minangkabau, tetapi juga sesuai dan dikuatkan oleh firman Allah dalam Al-Qur'an. Dan salah satu kewajiban penghulu itu sesuai pula dengan perintah Tuhan, iaitu menyuruh orang berbuat baik dan melarang orang berbuat maksiat. Dengan demikian kedudukan penghulu kuat dalam masyarakat, kerana berdasarkan adat dan agama.

## KESIMPULAN

Ketiga masalah pokok mengenai adat yang telah diuraikan di atas cukup luas ruang lingkungannya dan ketiganya saling berhubungan. Apabila adat kuat dalam masyarakat, kuat pulalah kedudukan penghulu. Apabila adat sudah lemah, mulai diabaikan orang, lemah pulalah kedudukan penghulu. Penghulu penting kedudukannya dalam membina tegaknya adat dalam masyarakat, kerana ia pemimpin berdasarkan adat. Ialah yang menjaga dan mengawasi agar adat itu dijalankan oleh kaumnya. Apabila penghulu tidak berwibawa, maka orang akan meremehkan pula masalah-masalah adat, sedang apabila penghulu berwibawa kuat pulalah adat itu dalam masyarakat. Kerana segan dan hormat pada penghulu, orang akan patuh pula menjalankan pedoman-pedoman yang ditentukan oleh adat itu. Demikian pula halnya dengan harta pusaka. Harta pusaka merupakan harta kaum yang dapat dianggap sebagai tali menyatukan suatu kaum. Ia tidak boleh diperjual-belikan dan hanya boleh diwariskan turun-temurun. Dalam hal ini kedudukan penghulu penting, kerana ialah yang mengatur dan mengawasi penggunaan harta pusaka itu. Penghulu disegani oleh kaumnya kerana ialah yang memegang kunci harta pusaka itu. Apabila seorang penghulu tidak setuju harta pusaka digadaikan, maka mustahillah orang akan dapat menggadaikan harta pusaka itu.

Dengan adanya pengukuhan ketiga masalah itu, kuat pulalah adat Minangkabau. Supaya adat itu kuat orang harus terlebih dahulu mempunyai pandangan yang sama terhadap adat dan sama-sama mengakui pula ketinggian kedudukan adat itu, sehingga timbullah rasa cinta terhadap adat sendiri. Orang akan merasa bangga menjalankan pedoman hidup yang diajarkan oleh nenek moyang sendiri. Rasa cinta dan bangga terhadap adat sendiri ini akan menimbulkan persatuan yang kuat dalam lingkungan masyarakat Minangkabau. Salah satu tali pemersatu orang Minangkabau ialah adat ini yang membedakannya dengan suku bangsa lain. Mereka merasa dekat hubungannya dan erat persatuannya kerana seadat. Dan kerana itu mereka harus seragam dan setia kawan turun-temurun.

## RUJUKAN

- Gzalba, Sidi. *Mesjid Pusat Ibadat dan Kebudayaan Islam*, Jakarta, Pustaka Antara, 1962.
- Hanafiah S.M., M.A. *Tinjauan Adat Minangkabau*, Jakarta, 1970.
- Junus, Umar. "Kebudayaan Minangkabau", dalam Koentjaraningrat 1971. *Manusia dan Kebudayaan di Indonesia*, Jakarta, Djambatan.
- Juynboll, H.H. *Catalogus van de Maleische en Sundanesche Handschriften der Leidesche Universiteits Bibliotheek*, Leiden, E.J. Brill, 1899.
- Naim, Mochtar (ed). *Menggali Hukum Tanah dan Hukum Waris Minangkabau*, Padang, Center for Minangkabau Studies Press, 1968.
- Nasroen, M. *Dasar Falsafah Adat Minangkabau*, Jakarta, C.V. Penerbit Pasaman, 1957.
- Van Ronkel, Ph.S. "Catalogus der Maleische Handschriften in het Museum van het Bataviaasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen", *Verhandelingen van het Bataviaasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen*, deel LVII, 1909.
- Van Ronkel, Ph.S. *Supplement Catalogus der Maleische en Minangkabausche Handschriften in en Leidesch Universiteits Bibliotheek*, Leiden, E.J. Brill, 1921.

Winstedt, Sir Richard, and P.E. Josselin de Jong, "A Digest of Customary Law from Sungai Ujong," *JMBRAS*, 27, III. 1954.

Naskah-naskah Tambe Minangkabau yang digunakan:

Museum Pusat Jakarta : MI. 40 (Bat. Gen. 40) dan MI. 280 (Bat. Gen. 280)

Rijksuniversiteits Bibliotheek, Leiden: Cod. or. 1915, Cod. or. 6007, Cod. or. 3147, Cod. or. 12.132 dan Delf 240/280-66.